

27/05/2003

Pertikaian Malaysia, Brunei mengenai kepentingan maritim

PUTRAJAYA: Malaysia dan Brunei Darussalam tidak pernah menimbulkan untuk membawa pertikaian daerah Limbang di Sarawak kepada Mahkamah Dunia (ICJ), kerana kedua-dua negara akui bahawa tidak ada tuntutan ke atas daerah itu.

Sebaliknya Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata pertikaian

yang timbul adalah tertumpu kepada kepentingan maritim termasuk Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) dan persempadanan darat antara kedua negara.

"Tidak ada tuntutan ke atas daerah Limbang kerana tidak ada sesiapa mempertikaikan bahawa Limbang sebahagian Malaysia. Jadi, tidak timbul isu

ICJ.

"Kita adalah negara bersempadanan (dengan Brunei) dan sempadan kita memberi hak kepada kepentingan maritim termasuk EEZ. Mengikut undang-undang antarabangsa, zon ini dipanjangkan sejauh 200 batu nautika.

"Jadi, kita sedang mencari penyelesaian di sini kerana Brunei terletak di tempat yang sama," katanya kepada pemberita selepas mengadakan sidang akhbar mengenai bulan program pertukaran Asean-Jepun 2003, di Wisma Putra

di sini semalam.

Berita Harian yang memetik sumber diplomatik semalam, melaporkan kedua-

dua negara dijangka mengadakan rundingan peringkat pegawai bagi menyelesaikan kes tuntutan Brunei ke atas Limbang tanpa mahu memanjangkannya kepada ICJ.

Dalam pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Sultan Brunei pada Jumaat lalu, Dr Mahathir melahirkan harapan isu tuntutan ke atas Limbang oleh Brunei akan dapat diselesaikan sebelum persaraannya, Oktober depan.

Limbang yang lokasinya diapit antara daerah Brunei-Muara dan Daerah Temburong (ke arah Sabah) adalah antara kawasan yang sering dipersoalkan setiap kali masalah sempadan Malaysia-Brunei dibangkitkan.

Syed Hamid berkata, kedua-dua negara sudahpun membentangkan cadangan penyelesaian masing-masing dalam perbincangan yang dijalankan sebelum ini.